

Headline	Kebangkitan Komuniti ASEAN		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,608	PR Value	RM 10,824



# Kebangkitan Komuniti ASEAN

Oleh NORLIDA AKMAR  
IDROS

**SINTOK** – Rakyat Malaysia khususnya golongan muda perlu bijak merebut peluang menerusi pembentukan Komuniti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) menjelang tahun 2015.

Dengan penduduk berjumlah 600 juta orang, ASEAN merupakan kuasa ekonomi kesembilan terbesar di dunia dengan pertumbuhan ekonomi sekitar empat hingga lima peratus lebih baik berbanding negara-negara Asia Pasifik 2.5 hingga tiga peratus setahun.

ASEAN yang mula diwujudkan sejak tahun 1967, kini dalam perancangan ke arah mewujudkan Komuniti ASEAN yang akan memperkasakan pertumbuhan itu di bawah satu naungan dalam pelbagai sektor seperti ekonomi dan budaya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Tun Dr.

Mahathir berkata, negara amat komited terhadap usaha-usaha untuk mengukuhkan ASEAN sebagai satu pertubuhan serantau.

“Malaysia akan memberi sokongan penuh supaya Komuniti ASEAN ditubuhkan menjelang 2015 seperti yang dijadualkan.

“Bagaimanapun, generasi muda perlu mempersiapkan diri dengan ilmu

dan kemahiran secukupnya agar tidak tercipir daripada segi ekonomi, perniagaan dan peluang pekerjaan yang akan terbuka luas di rantau ini.

“Komuniti ASEAN juga cuba membentuk satu masyarakat yang berkongsi perasaan bahawa mereka mempunyai satu identiti yang sama dan hala tuju strategik serupa di bawah naungan itu,” katanya.

Ucapan Mukhriz itu dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,

Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan negeri, Datuk Mohd. Tajudin Abdullah pada Majlis Perasmian Sambu-

tan Hari ASEAN ke-46 di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis

itu ialah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Penerangan Malaysia, Tarmidzi Hashim dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM, Profesor Abdul Razak Saleh.

Sambutan tersebut anjuran Jabatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama UUM.

Sambutan Hari ASEAN ke-46 dengan tema *Our People Our Future Together* itu diadakan selama dua hari dari 27 hingga 28 September dengan tujuan meningkatkan kesedaran dan

kefahaman umum mengenai ASEAN.

Antara pengisian sambutan pada kali ini termasuklah foto, kuiz, wacana

dan pertandingan pidato. Jabatan Penerangan turut mengadakan pameran visual dan edaran bahan bacaan berkaitan ASEAN.

Program wacana ASEAN dengan tajuk *Komuniti ASEAN 2015: Faedah kepada Malaysia* menggandingkan tiga orang panel iaitu Pengarah dan Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Kementerian Luar, Westmoreland Palon, Pengarah Seksyen Hubungan Dalam ASEAN, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Normah Osman dan pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara, Mohiyuddin Mohd. Suleiman.



PELAJAR Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik menunjukkan buku *Kenali ASEAN* di UUM, Sintok, Kedah Selasa lalu.

Headline	Kebangkitan Komuniti ASEAN		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	415 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,608	PR Value	RM 10,824



**MOHD. TAJUDIN (tengah)** bersama Tarmidzi (kiri) dan Abdul Razak ketika merasmikan Sambutan Hari ASEAN ke-46 di UUM, Sintok.



**MOHD. TAJUDIN (tiga dari kiri)** bersama Tarmidzi (dua dari kiri) dan Abdul Razak (empat dari kiri) bergambar bersama pemenang pidato di Sintok, Kedah baru-baru ini.